

TARIKH	16 MEI 2025 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / <b>UM</b> / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SSPA MUNGKIN KEKALKAN SISTEM BAYARAN BULANAN		
M/S	4 (DALAM NEGERI)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE, MANAGEMENT,
BIDANG	CIVIL SERVICE	WAGES	

# SSPA mungkinkekalkan sistem bayaran bulanan

**KUALA LUMPUR:** Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diperkenalkan kerajaan bagi menggantikan Sistem Saran Malaysia (SSM) dijangka mengekalkan kaedah pembayaran bulanan kepada penjawat awam yang bersara.

Kaedah pembayaran bulanan dilihat lebih proaktif dan selamat berbanding pengeluaran secara sekali gus memandangkan jumlah pesara kerajaan yang menjadi mangsa penipuan dalam talian amat membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Pada masa sama, cadangan itu juga dilihat lebih berkesan dalam membolehkan simpanan hari tua pesara kerajaan diuruskan dengan teratur.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlal Abdul Aziz berkata, cadangan itu turut dipersetujui Kementerian Kewangan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Katanya, kedua-dua pihak terlibat dalam Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (JIKSPA) yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Kita sedang draftkan supaya penjawat awam bagi lantikan tetap bercarum nanti akan terima bayaran bulanan sebagaimana pesara sekarang. Itu sudah boleh kita lakukan kerana ada persetujuan Kementerian Kewangan dan KWSP.

“Kita sudah maklumkan perkara ini kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), jika dapat selong-



**WAN AHMAD DAHLAN ABDUL AZIZ**

gok (pengeluaran sekali gus) ada pesara yang jadi mangsa *scam* (penipuan) padahal baharu dua hari keluarkan duit, semuanya habis,” katanya selepas Program Bicara Figura: Menelusuri Aspirasi Memaknai Reformasi di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat Risma di sini, semalam.

Tambah Wan Ahmad Dahlal, berdasarkan draf yang sedang dirangka, bayaran secara bulanan yang diberikan adalah berdasarkan keperluan tahunan pesara.

Katanya, baki simpanan selebihnya akan dilaburkan semula oleh KWSP supaya pesara dapat menerima dividen tahunan yang lebih menguntungkan.

“Jadi kita draftkan supaya mereka terima (bayaran) secara bulanan, katalah setahun keperluan mereka RM25,000, jadi selebihnya simpanan itu akan dilaburkan semula dalam KWSP, ini (lebih menguntungkan) kerana akan terima pula dividen setiap akhir tahun,” katanya.

Mulai 1 Disember 2024, SSM tidak lagi digunakan sebaliknya digantikan dengan SSPA yang diperkenalkan kerajaan berdasarkan persetujuan penjawat awam.

Sehingga Disember tahun lalu, hanya 0.13 peratus daripada 1.5 juta penjawat awam tidak menandatangani opsyen SSPA yang tamat pada 30 November tahun sama.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
--------------------	--